

12 APR 1997

MUHAMMAD MINTA AKHBAR TUNGGU SEHINGGA ISNIN

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib enggan memberikan sebarang ulasan kepada media massa mengenai keputusannya meletakkan jawatan.

Walaupun wartawan berkali-kali mengajukan soalan kepada beliau mengenai keputusannya itu, Muhammad sekadar meminta mereka menunggu sehingga Isnin untuk mendapatkan kenyataannya.

"Tunggulah hari Isnin," katanya sebelum meninggalkan ibu pejabat parti selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan mengenai keputusan Muhammad untuk meletakkan jawatan pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat itu

Muhammad berkata setiausaha akhbarinya Nasiruddin Jantan akan memaklumkan kepada akhbar mengenai waktu dan tempat persidangan akhbar yang akan diadakan Isnin ini. -- BERNAMA

TM MAI